

USIM dipilih sebagai peneraju

SEREMBAN 5 Feb. - Kementerian Pengajian Tinggi memilih Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai salah satu peneraju dalam agenda pemetaan baharu pengantarabangsaan pengajian tinggi Malaysia.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nor-din berkata, satu usaha yang boleh menyumbang ke arah hasrat mencapai matlamat kecemerlangan itu adalah melalui cadangan penubuhan konsortium di kalangan institusi pengajian tinggi Islam yang diterajui oleh USIM.

Menurutnya, konsortium itu akan menjadi platform memperkasakan perkongsian pintar dalam aktiviti penyelidikan berkonsepkan *global classroom* di kalangan IPT serantau dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

“Kementerian mengalu-alukan usaha murni ini kerana ia memperkasakan lagi perkhidmatan pengajian tinggi negara sekali gus mempromosikan Malaysia menjadi pemimpin kece-merlangan pengajian tinggi di peringkat global,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam majlis Amanat Tahun Baharu 2013 di Dewan Plenari, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), baru-baru ini.

Ucapan beliau yang menumpukan kepada lapan agenda utama dan 44 pernyataan dasar yang bertemakan ‘Pengajian Tinggi Pemacu Daya Saing Malaysia’ disambut dengan reaksi yang amat positif dan penuh bersemangat oleh warga institusi pengajian tinggi yang memenuhi dewan berkenaan.

Antara intipati amanat tersebut memberi peluang yang amat baik untuk direbut oleh USIM adalah melalui kewujudan dana khas penyelidikan sebanyak RM10 juta bagi membolehkan Universiti Komprehensif dan Komprehensif Berfokus membangunkan bidang tujahan masing-masing.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dalam reaksinya mahu warga USIM merebut peluang dana khas yang disediakan itu memandangkan USIM sebagai Universiti Komprehensif Berfokus boleh menggunakan dana berkenaan bagi membangunkan pelbagai penyelidikan dan inovasi yang berteraskan Sains Islam yang signifikan kepada industri, negara dan masyarakat global.